

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS PERASMIAN
KAWASAN REHAT DAN RAWAT (R&R) SEREMBAN (ARAH
SELATAN) LEBUHRAYA UTARA SELATAN R&R LESTARI
PERTAMA DI MALAYSIA**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Date : 08/09/2024

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

**MAJLIS PERASMIAN KAWASAN REHAT DAN RAWAT
(R&R) SEREMBAN (ARAH SELATAN)
LEBUHRAYA UTARA SELATAN
R&R LESTARI PERTAMA DI MALAYSIA**

8 SEPTEMBER 2024 (AHAD)

**KAWASAN REHAT DAN RAWAT (R&R) SEREMBAN
(ARAH SELATAN) LEBUHRAYA UTARA SELATAN
NEGERI SEMBILAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

Alhamdulillah rabbil 'alamin,
Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolilah Kareem,
Wa ala alihi wasahbihi ajma'in.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari,
Menteri Besar Negeri Sembilan;

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi,
Menteri Kerja Raya;

YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar,
Ketua Setiausaha Negara (KSN);

YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan,
Timbalan Menteri Kerja Raya;

YB Dato' Mohd Zafir Bin Ibrahim,
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan;

YBhg. Datuk Seri Ir. Hasni Mohammad,
Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);

YBhg. Datuk Mohamad Nasir,
Pengerusi PLUS; dan

Hadirin yang dimuliakan.

1. Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) ini dianggap seperti mana Datuk Alex beritahu saya, ini projek kecil tapi mengapa Perdana Menteri setuju datang?
2. Pertama, kerana saya satu perubahan baru dalam pendekatan kita. Dalam Kerajaan MADANI yang utama adalah menyantuni rakyat. Kemudahan bagi rakyat itu diberi keutamaan. Sepertimana saya kata, apa yang dikenali sebagai satu mercu tanda bagi satu kota, seperti Kuala Lumpur, katanya twin tower, hotel-hotel indah gemerlapan. Saya kata benar itu penting. Tetapi bagaimana dengan gerai dan warung? kerana gerai dan warung itu, disantuni oleh lebih ramai rakyat, 80% pergi ke gerai dan warung, hanya 20% pergi ke restoran besar dan hotel-hotel.
3. Jadi orang yang hendak buat hotel dan restoran besar tidak ada masalah. Tetapi bagi pihak kerajaan di sini LLM, PLUS kena bagi keutamaan supaya majoriti rakyat rasa nikmat pembangunan negara kita.
4. Inilah sebabnya mengapa saya rasa dan saya pun lalulalang di lebuh raya ini sudah puluhan tahun. Belum pernah ada R&R seindah ini dengan konsep lestari sebegini rupa.

5. Jadi saya sebut di Kabinet beberapa bulan yang lalu kepada saudara Anthony Loke, Ahli Parlimen kawasan ini, Menteri Pengangkutan bahawa rakyat Seremban dan Negeri Sembilan memang bertuah dapat satu permulaan yang baik bagi peniaga dan bagi rakyat.
6. Dan saya harap seperti mana disebut oleh PLUS dan LLM tadi dan di bawah pengawasan saudara Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yang tunjuk keprihatinan dia, saya percaya ini menandakan satu permulaan yang penting dalam arah tuju negara kita. Membangun tapi memikirkan masalah rakyat di bawah. Terus mencapai dan mencatat kemajuan tinggi tetapi tidak akan mengabaikan nasib rakyat kerana kita bertanggungjawab untuk angkat martabat mereka dan memberikan keselesaan.
7. Yang kedua yang menarik ialah kerana kelestarian. Solar di atas, air hujan diguna, bukan untuk minum. Kalau hendak minum Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak berikan jaminan. Tapi untuk kegunaan bilik air dan tandas.
8. Kemudian diumumkan juga tadi dan saya percaya Datuk Seri Hasni akan pantau bersama Datuk Seri Nasir supaya kemudahan bagi parking motosikal sama ada panas atau hujan akan dimulakan, katanya akan siap sebelum akhir tahun ini dan saya percaya ini dapat dipermudahkan.
9. Dan kalau dasar ini jelas, ia hijau, the people friendly, ia bagi kemudahan bagi peniaga-peniaga, dengan bersih dipantau oleh

Majlis Perbandaran saya pastinya. Keadaan bersih, air, tempatnya, ini akan memberikan kita keselesaan yang diperlukan.

10. Jadi saya ingin tekankan di sini bahawa R&R Seremban arah selatan ini harus jadi satu permulaan yang penting bagi semua lebuhraya di negara kita. Lebuhraya bukan sahaja fikirkan soal lebuh raya tetapi keselesaan penggunaannya termasuklah R&R.
11. Dan kalau mereka tanya bagaimana? boleh tunjuk, boleh beri penjelasan tentang R&R ini sebagai contohnya. Mungkin tidak semua tempat boleh buat seindah ini dan sebesar ini, tetapi Seremban Negeri Sembilan ini istimewa sikit, tempat lain kecil sikit pun tidak mengapa.
12. Jadi kalau ditanya, Datuk Alex nanti kalau syarikat-syarikat dia tanya hendak buat apa? Bagaimana? katakan pergi ke R&R Seremban arah selatan dan lihat konsepnya.
13. Kita boleh jimatkan penggunaan air, kita guna penjimatan penggunaan elektrik. Kita bagi keselesaan daripada gerai-gerai kecil. Ada seorang kakak tadi sudah meniaga 30 tahun. Jadi kita beri keselesaan, bagi saya sangat penting kalau di sini 30 gerai-gerai yang disediakan.
14. Yang ketiga, tentunya dari segi pengurusan dan ini saya percaya kos yang selalu dibangkitkan tentang tol Negara kita. Datuk Seri Alex

memang mengambil perhatian supaya kos pembangunan lebuhraya itu dapat diteliti. Supaya jangan ada kebocoran, kerana bila kos meningkat, tol meningkat. Kalau kos dikawal dan tidak ada ketirisan dan rasuah, ada kemungkinan kita turunkan kadar tol. Itu biasa hukum alam.

15. Kerana saya pernah ucapkan dulu, tentang pengalaman saya dengan UEM peringkat awal, bagaimana kos tu terpaksa ditingkatkan padahal boleh dikurangkan. Tetapi kerana terlalu banyak bayaran-bayaran yang telah diberikan untuk mendapat kelulusan dan ini mesti dihentikan.
16. Saya percaya kementerian dan pengerusi LLM dan Datuk Nasir untuk projek seterusnya akan pastikan kelulusan disegerakan. Boleh dilakukan kalau semua bertanggungjawab merasakan ini projek rakyat. Saya bagi contoh baru-baru ini kita luncurkan perumahan MADANI di Taman Desa.
17. Kerana saya tekankan di Kuala Lumpur, keperluan perumahan itu mendesak. Orang tunggu berpuluh tahun dan yang tunggu sebenarnya adalah orang yang berpendapatan rendah M40 dan B40. Kalau tunggu hendak dapat kelulusan 2 (dua) tahun, kena bayar pegawai itu, bayar kepada kewangan ini, kos meningkat dan tunggu lama.
18. Jadi bila kita desak, kalau syarat semua dipenuhi, syarikat itu bertanggungjawab dan memenuhi syarat, saya ucap tahniah kepada

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana boleh beri kelulusan 45 hari untuk projek tersebut.

19. Maknanya boleh, bila kita tekankan, pastikan peraturan diikuti, jangan ada ketirisan, orang ambil kesempatan cari keuntungan haram. Boleh dan bila ini dilakukan apa maknanya? holding cost syarikat itu kurang.
20. Kalau tunggu 2 tahun, dia bayar faedah bank. Dan dibebankan bukan kepada syarikat-syarikat besar, mereka tidak mahu rugi, tetapi yang ditekan adalah pembeli. Inilah sebabnya saya katakan boleh dilakukan kalau ada pendirian kita jelas dan saya percaya Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Saudara Aminuddin dapat memastikan ini terus berlaku untuk memesatkan program pembangunan di Negeri Sembilan.
21. Bulan lalu saya luncurkan KIGIP Hi-Tech Park Hijau yang pertama di Asia Tenggara, di Kerian, Utara Perak, sekitar Parit Buntar, Bagan Serai. Dan Kerajaan Negeri meluluskan tanah walaupun tanah itu tanah Sime Darby jadi senang. Dalam 3 hari boleh diproses. Mana hal-hal yang boleh kita lakukan, kalau kita tahu keutamaan untuk membangunkan negara, peluang pekerjaan, kemudahan air bagi rakyat, elektrik bagi rakyat di sana, latihan bagi anak terutama dari keluarga miskin, ini diberikan keutamaan.
22. Jadi saya ucap sekali lagi terima kasih kepada semua yang terlibat, tentunya bermula dengan Menteri KKR, Datuk Alex, Menteri Besar

kerana memberi kerjasama, SUK, Majlis Perbandaran dan sebagainya dan tentunya LLM, PLUS dan semua yang terlibat.

23. Menteri Besar ada bisikkan tadi tentang permohonan penduduk atau peniaga tetap di sini, atau kita kira pemastautin di sinilah kiranya, apakah boleh surau di R&R ini dijadikan tempat solat jumaat.
24. Ini kena rujuk kepada mufti dan majlis agama. Saya percaya dengan kebijaksanaan Menteri Besar dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, saya percaya, boleh diangkat supaya surau ini ataupun musolla ini, kekal sebagai musolla tapi diberikan kelonggaran untuk menunaikan fardu Jumaat.
25. Tapi ingat keputusan dia bukan keputusan Perdana Menteri. Keputusan itu majlis agama Islam, mufti dan kemudian diperkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang diPertuan Besar.
26. Tapi saya percaya kerana semua syarat-syarat telah dipenuhi. Orang yang bekerja tetap memang pemastautin. Kemudian keperluan mendesak untuk orang hendak solat Jumaat.
27. Sekiranya ada kemudahan begini orang tahu, jadi dia datang pergi sembahyang Jumaat, makan di gerai. Jadi sekali lagi saya ucap terima kasih dan tentunya keistimewaannya adalah kelestarian, kemudahan kepada rakyat, kemudahan parking motosikal, hijaunya,

air hujannya, solarnya, wah kalau cakap bahasa Inggeris, this is a fantastic, a modern facility only found in Seremban.

28. Jadi sekali lagi saya ambil kesempatan ini ucapkan kepada semua terima kasih dan penghargaan setinggi-tingginya.
29. Ini menunjukkan bahawa kalau kita ada tekad berbuat sesuatu yang baru, lestari, kekal juga dengan semangat jamaah dan menyempurnakan solat kita. Insya-Allah. Kita boleh tingkatkan negara kita kepada satu mercu tanda yang lebih baik.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2024/09/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-perasmian-kawasan-rehat-dan-rawat-rr-seremban-arah-selatan-lebuhraya-utara-selatan-rr-lestari-pertama-di-malaysia/>